

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR  
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL  
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM**

**TAJUK PROJEK :**

**SISTEM PENGURUSAN  
PENYELENGGARAAN BERKOMPUTER  
DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**AHMAD ZAIYAD ABD. RAHIM  
HAMDAN ABD. HAMID  
JAUHARI MOHD. ISA  
ROSZAN SULAIMAN**

**LAMPIRAN PENYERAHAN**

Laporan projek ini di sediakan untuk Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Institut Teknologi Mara , Shah Alam bagi memenuhi syarat penganugerahan Diploma Kejuruteraan Mekanikal , KM 10 & KM II .



.....  
( tandatangan dan tarikh )

AHMAD ZAIYAD ABD. RAHIM  
93849810



.....  
( tandatangan dan tarikh )

HAMDAN ABD HAMID  
94615332



.....  
( tandatangan dan tarikh )

JAUHARI MOHD. ISA  
93858712



.....  
( tandatangan dan tarikh )

ROSZAN SULAIMAN  
94467827

## PENGHARGAAN

Disini kami ingin mengambil peluang untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Penasihat Projek kami iaitu **Dr.Razmi Chik** yang telah banyak membantu untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan serta idea-idea yang bernes kepada kami untuk menyiapkan projek kami ini.

Begitu juga dengan pihak Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan ( BPP ) khasnya **En. Alias Taib** yang banyak memberikan kerjasama dalam mendapatkan maklumat untuk projek kami. Begitu juga dengan kakitangan BPP. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada **rakan-rakan seperjuangan** kami dan tidak lupa juga kepada **keluarga kami**.

Akhir sekali kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung didalam menjayakan projek ini. Wasallam.

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

<b>1.0 SEJARAH KEWUJUDAN BPP</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Bahagian	1
1.2 Aktiviti Bahagian	2
<b>2.0 PENGENALAN SISTEM PENGURUSAN PENYELENGGARAAN</b>	<b>4</b>
2.1 Perancangan Penyelenggaraan	4
2.2 Beberapa Konsep Perancangan Penyelenggaraan	6
<b>3.0 MAXIMO</b>	<b>9</b>
3.1 Pengenalan	9
3.2 Ringkasan Modul	10
<b>4.0 OBJEKTIF PENGURUSAN PENYELENGGARAAN BERKOMPUTER</b>	<b>15</b>
4.1 Pengenalan	15
4.2 Prinsip-prinsip Organisasi	17
4.3 Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Kos	19
4.4 Audit Penyelenggaraan	25
<b>5.0 PERANAN DAN KEPENTINGAN MODUL DALAM SISTEM MAXIMO</b>	<b>27</b>
5.1 Modul Work Order	27
5.2 Modul Preventive Master	30
5.3 Modul Inventory	33
5.4 Modul Equipment	35
5.5 Modul Purchasing	43
5.6 Modul Job Plan	40
5.7 Modul Labor	45
5.8 Modul Calendar	48
5.9 Modul Resources	50

## **1.0 SEJARAH KEWUJUDAN BPP**

### **1.1 Latar belakang bahagian**

Bahagian ini pada awalnya dikenali sebagai Bahagian Bangunan dan Kawasan dimana ia bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, menguruskan unit-unit projek dan pembaikan.

Tetapi, mulai daripada 1hb. Jan. 1982 kedua-duanya digabungkan serta diubah namanya kepada kepada Bahagian Pembangunan Penyelenggaraan (BPP ) serta diletakkan di bawah Pentadbiran Pengarah.Ia dibahagi kepada dua bidang kerja iaitu :

- 1) Bahagian Pembangunan
- 2) Bahagian Penyelenggaraan

*Bahagian Pembangunan* - Dipertanggungjawabkan untuk mengawasi dan menyelaras projek-projek pembinaan besar di kampus induk dan kampus cawangan meliputi bahagian ( senibina, awam, ukurbahan, jentera dan elektrik ). Antara lain ia menguruskan tender dan kontrak, proses pembayaran kepada kontraktor dan badan perunding. Seterusnya projek besar dan tambahan yang telah siap dibina akan diselenggarakan oleh bahagian penyelenggaraan.

*Bahagian Penyelenggaraan* - Terlibat secara langsung dalam projek-projek kecil seperti pembersihan kawasan-kawasan, bangunan-bangunan serta kerja-kerja pengubahsuaian samada menguruskan sendiri oleh pekerja-pekerja diunit ini atau menswastakannya. Selain daripada itu ia menyediakan khidmat bersih, pemberian serta pembelian barang-barang kegunaannya, membuat pembayaran kepada pembekal, penyediaan spesifikasi seperti tender dan sebut harga. Perlaksanaan tugas dibantu oleh Unit Pentadbiran Am yang bertindak sebagai urusetia.